



## **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

### **PENGENALAN**

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MBPP mengambil berat mengenai perlindungan data peribadi anda. Notis ini menjelaskan bagaimana MBPP memproses data peribadi anda bermula daripada pengumpulan, penggunaan, perkongsian dan pemusnahan serta langkah keselamatan yang kami ambil untuk memastikan data peribadi anda dilindungi sebaiknya.

### **PENGUMPULAN**

Kami mengumpul data peribadi iaitu;

- a) Nama;
- b) Nombor Kad Pengenalan;
- c) Jantina;
- d) Alamat e-mel;
- e) Nombor Telefon Bimbit;
- f) Nombor Passport;
- g) Nombor Pendaftaran Kenderaan;
- h) Alamat IP;
- i) Imej (seperti gambar foto, gambar kenderaan);
- j) Data peribadi yang sensitif, dan mana-mana
- k) Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) yang ditakrifkan oleh undang-undang atau piawaian privasi antarabangsa

## **SUMBER PENGUMPULAN**

MBPP mendapatkan data peribadi anda daripada:

1. Rekod Lesen Perniagaan, Iklan dan Permit
2. Rekod Pembeli Daripada Pemaju untuk Tujuan Penilaian Semasa
3. Rekod Cukai Taksiran
4. Rekod Permohonan Jawatan Kosong
5. Rekod Aduan
6. Rekod Permohonan Pelesenan Anjing
7. Rekod Permohonan Kad Pengendali Makanan
8. Rekod Bayaran Perkhidmatan
9. Rekod Permohonan Projek Pemajuan
10. Rekod Tempahan Sewaan Kemudahan dan Sewaan Premis
11. Rekod Tempat Letak Kereta
12. Rekod Saman dan Kompaun
13. Rekod Perolehan (Tender dan Sebutharga)
14. Rekod Pendaftaran Ahli Baru di Laman Sesawang
15. Rekod Perkhidmatan-Perkhidmatan

## **TUJUAN PENGUMPULAN**

Himpunan data peribadi yang dikumpul digunakan untuk :

1. Memproses permohonan anda menggunakan perkhidmatan MBPP.
2. Menetapkan jenis perkhidmatan mengikut pilihan anda.
3. Menyelesaikan aduan atau masalah perkhidmatan sekiranya berlaku.

## **BAGAIMANA DIPROSES**

MBPP memproses data peribadi hanya di dalam Malaysia sahaja. Tiada data peribadi yang dipindahkan ke luar Malaysia. Tiada maklumat peribadi akan dikumpul semasa anda melayari laman web [www.mbpp.gov.my](http://www.mbpp.gov.my) kecuali maklumat yang dikemukakan melalui mana-mana sistem dalam talian MBPP. Sekiranya dasar privasi ini dipinda, pindaan akan dikemas kini dengan maklumat yang dikumpul, cara ia digunakan dan dalam keadaan tertentu, dan bagaimana maklumat dikongsi bersama pihak yang lain.

## **PENZAHIRAN**

MBPP akan menzahirkan data peribadi anda kepada:

1. Mana-mana agen perkhidmatan MBPP, sistem pembayaran atau bank pengantara.
2. Penyedia perkhidmatan atau pihak ketiga yang MBPP namakan samaada bersendirian atau secara bersama dengan lain-lain penyedia perkhidmatan.
3. Syarikat-syarikat dan pertubuhan yang bertindak sebagai agen perkhidmatan MBPP
4. Juru audit, akauntan dan panel peguam yang dilantik oleh MBPP
5. Badan-badan penyelarasan atau pihak berkuasa kerajaan yang sejajar dengan keperluan di bawah undang-undang atau ke arah pengesanan dan pencegahan jenayah dan/atau penipuan.
6. Pihak-pihak tertentu MBPP atau pihak yang berkepentingan dengan MBPP mungkin perlu dedahkan untuk tujuan undang-undang, mahkamah, regulator atau proses guaman.

## **LANGKAH KESELAMATAN**

MBPP berusaha sedaya upaya untuk menyimpan maklumat mengenai pelanggan secara lengkap, terkini dan tepat. Sebarang maklumat tidak tepat yang dibawa ke pengetahuan MBPP akan diperbetulkan secepat mungkin setelah diberitahu.

1. Memastikan data peribadi anda disimpan dengan sebaiknya mengikut kehendak Akta 709.
2. Memastikan anggota MBPP tidak menyalahgunakan data peribadi anda.
3. Mempunyai kontrak perlindungan data peribadi dengan pihak pembekal/kontraktor dilantik. Walau bagaimanapun, penggunaan sistem dalam talian, pelanggan bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap data peribadi anda.

## **TEMPOH PENYIMPANAN**

MBPP menyimpan data peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman. Sekiranya anda tidak lagi menjadi pelanggan atau membatalkan kontrak, segala data peribadi akan dihapuskan secara kekal.

## **PELANGGAN MBPP**

Pelanggan berhak untuk:

1. Membetulkan dan mengemaskini data peribadi sendiri sahaja.
2. Mengakses data peribadi sendiri sahaja.
3. Menghentikan atau menolak meneruskan perkhidmatan MBPP.
4. Menarik balik persetujuan memproses data peribadi sendiri sahaja.
5. Boleh meminta data peribadi sendiri sahaja dipinda bagi tujuan ketepatan dan kesesuaian.

## **HUBUNGI KAMI**

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) komited untuk melindungi data peribadi anda. Jika anda mempunyai sebarang persoalan atau komen berkenaan pengendalian data peribadi yang berkaitan dengan perkhidmatan, anda boleh berhubung melalui talian 04-2592020.

Untuk makluman lanjut, sila layari <https://www.pdp.gov.my/>

Terima Kasih.